

HADIS

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْعُبَيْرِيِّ، حَدَّثَنَا أَبُو عَوَّانَةَ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ زُرَّارَةَ بْنِ أَوْفَى، عَنْ سَعْدِ بْنِ هِشَامٍ، عَنْ عَائِشَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "رَكْعَتَا الْفَجْرِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا".

[Muslim/ 727] Telah bercerita kepada kami Muhammad bin `Ubayd Al-Ghubariy: Telah bercerita kepada kami Abu `Awanah, daripada Qatadah, daripada Zurarah bin Awfa, daripada Sa'd bin Hisyam, daripada A'isyah, daripada Nabi, dia berkata: «**Dua raka`at sunat Fajar lebih baik daripada dunia dan apa yang di dalamnya**».

- 1- Sunat Fajr ialah salat sunat dua raka`at apabila terbit fajar (masuk waktu salat Subuh) sebelum salat fardhu Subuh.
- 2- Hadis ini menggalakkan umat Islam untuk bangun menunaikan salat sunat dua raka`at sebelum bersalat fardhu Subuh.
- 3- Kelebihan salat sunat dua raka`at ini melebihi kelebihan dunia dan apa yang ada di dunia.

lakukan? dan tentang hartanya, dari mana dia memperolehinya? dan pada apa dia telah membelanjakannya? dan tentang tubuhnya, pada apa dia telah gunakan?» [At-Tirmizil/ 2417, hasan sahih].

Dan tidak dinafikan bahawa menggunakan harta pada perkara ini dikira sebagai perkara yang haram, kerana ia pada hakikatnya suatu pembakaran untuknya.

Dan telah disoal Al-`Allamah Asy-Syaykh Ibnu Baz tentang hukum merokok, maka dia berkata: Merokok adalah haram, kerana padanya terdapat mudharat yang banyak dan setiap cabangnyanya adalah haram. Maka wajib ke atas seseorang muslim meninggalkannya, dan menjauhi daripadanya, dan meninggalkan berkawan dengan ahlinya. Maka wajib ke atas kamu untuk meninggalkan rokok, dan berhenti daripadanya dan bergegas kepada tawbat, dan kembali kepada Allah, dan menyesal di atas maksiat ini, dan berazam untuk tidak kembali kepadanya selama-lamanya, dan kami mengingatkan kamu dengan kata Nabi: «**Sesiapa meninggalkan sesuatu kerana Allah, Allah akan menggantikannya dengan kebaikan daripadanya**» [Al-Maqasidu I-Hasanah/ 1095]. Dan kepada Allah kita meminta untuk Dia mengampunkan ke atas kamu daripada maksiat itu. WaLlahu a`lam.

Artikel ini disediakan oleh Ketua Panitia Tasawwur Islam, **Mohd `Adlan bin Mohd Shariffuddin**, merangkap Panel Hadis www.al-fikrah.net. E-mel: Adou_Fr@yahoo.com Laman web: www.ad-diyari.com

A2 ... dari sebelah

tangan kamu kepada kebinasaan» [Al-Baqarah: 175].

Dan Malik meriwayatkan dalam Muwatta'nya bahawa Nabi telah berkata: «**Tidak berbahaya dan tidak membahayakan**» [Al-Muwatta'/ 1461], dan antara kaedah yang ditetapkan dalam syara` adalah bahaya dihilangkan.

Dan ia, dengan racun daripada racun-racun ini adalah membunuh. Dan Nabi telah berkata:

وَمَنْ تَحَسَّى سُمًّا فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَسُمُّهُ فِي يَدِهِ
يَتَحَسَّاهُ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا

«**Sesiapa yang menghirup racun dan ia membunuh dirinya, maka racunnya di tangannya, yang dia akan menghirupnya di dalam neraka Jahannam, kekal berkekalan di dalamnya selama-lamanya**» [Al-Bukhariy/ 5778] daripada hadis Abi Hurayrah.

Sebagaimana merokok adalah perosak kepada harta, yang Allah telah menjadikannya penguat kepada kehidupan dan manusia akan disoal tentangnya pada hari Qiyamah.

Maka At-Tirmizi telah meriwayatkan daripada Abi Barzah, dia berkata: Telah berkata Rasulullah: «**Masih dua kaki seorang hamba pada hari Qiyamah sehingga disoal tentang umurnya, pada apa dia telah habiskannya? dan tentang ilmunya pada apa yang dia telah**

gunakan?» [At-Tirmizil/ 2417, hasan sahih].

Dan tidak dinafikan bahawa menggunakan harta pada perkara ini dikira sebagai perkara yang haram, kerana ia pada hakikatnya suatu pembakaran untuknya.

Dan telah disoal Al-`Allamah Asy-Syaykh Ibnu Baz tentang hukum merokok, maka dia berkata: Merokok adalah haram, kerana padanya terdapat mudharat yang banyak dan setiap cabangnyanya adalah haram. Maka wajib ke atas seseorang muslim meninggalkannya, dan menjauhi daripadanya, dan meninggalkan berkawan dengan ahlinya. Maka wajib ke atas kamu untuk meninggalkan rokok, dan berhenti daripadanya dan bergegas kepada tawbat, dan kembali kepada Allah, dan menyesal di atas maksiat ini, dan berazam untuk tidak kembali kepadanya selama-lamanya, dan kami mengingatkan kamu dengan kata Nabi: «**Sesiapa meninggalkan sesuatu kerana Allah, Allah akan menggantikannya dengan kebaikan daripadanya**» [Al-Maqasidu I-Hasanah/ 1095]. Dan kepada Allah kita meminta untuk Dia mengampunkan ke atas kamu daripada maksiat itu. WaLlahu a`lam.



الإدراك

SMK DESA KENCANA (SEKOLAH KLUSTER) * BIL 1/ 2010 * JANUARI

KELEBIHAN ILMU, ORANG BERILMU & PENUNTUT ILMU

Islam sangat mementingkan ilmu. Dan ini dibuktikan dengan penurunan ayat Al-Qur'an yang pertama yang menyuruh supaya membaca. Kata Allah:

{ اِقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ }

«**Bacalah dengan nama Tuanmu yang telah mencipta**» [Al-Alaq: 1].

Tidak dapat dinafikan bahawa membaca adalah kunci kepada ilmu pengetahuan yang tersimpan di dalam bahan-bahan bacaan. Sangat banyak ilmu boleh dipelajari dengan membaca, sama ada bahan bertulis, bercetak atau secara digital.

Selain membaca, di dalam Al-Qur'an juga terdapat perintah yang menyuruh manusia bertanya kepada orang yang mengetahui jika seseorang itu tidak mengetahui. Hal ini juga penting kerana bertanya juga merupakan kunci kepada ilmu pengetahuan. Banyak ilmu boleh diketahui dengan bertanya kepada para sarjana, ilmuwan, cendekiawan, guru dan sebagainya. Kata Allah:

{ فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ }

«**Maka tanyakanlah kepada Ahla z-Zikr jika kamu tidak mengetahui**» [An-Nahl: 43] dan [Al-Anbiya': 7].

Setelah memberikan dua cara pemerolehan ilmu iaitu dengan membaca dan bertanya, Allah melontarkan satu pernyataan untuk difikirkan iaitu adakah sama antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak

berilmu? Persoalan ini sangat penting, kerana hanya orang-orang yang bijaksana sahaja yang akan mengambil peringatan daripada persoalan tersebut dan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan keilmuan mereka serta mengeluarkan mereka dari daerah kejahilan. Kata Allah:

{ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ }

«**Katakan: Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya yang mengambil peringatan ialah orang-orang yang bijaksana**» [Az-Zumar: 9].

Hal ini dikuatkan dengan kefardhuan menuntut ilmu yang disebut oleh Nabi Muhammad kepada setiap muslim. Nabi berkata:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

«**Menuntut ilmu adalah fardhu ke atas setiap muslim**» [Ibnu Majah/ 224, sahih].

Justeru, sebagai seorang yang berakal dan mempunyai akal fikiran, kita hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan tidak jemu untuk belajar sepanjang masa.

Dalam proses pencarian ilmu, ramai yang terlepas pandang tentang kelebihan belajar dan menuntut ilmu, hingga ramai

orang, terutama para pelajar, yang menyia-nyiaikan peluang yang terbentang di hadapan mereka untuk belajar. Datang belajar ke sekolah atau mana-mana institusi adalah satu amal kebajikan yang dijanjikan balasan di akhirat. Justeru, ia satu peluang yang tidak wajar disia-siakan.

Antara kelebihan utama orang yang menuntut ilmu, atau sebagai seorang pelajar, ialah setiap jalan yang ditempuh untuk menuntut ilmu itu akan dibalas dengan dipermudahkan baginya satu jalan ke syurga. Nabi telah berkata:

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

«Dan sesiapa menempuh suatu jalan untuk dia mendapatkan dengannya ilmu, Allah mudahkan baginya dengannya satu jalan ke syurga» [Muslim/ 2702].

Begitu juga semasa di dalam kelas atau kuliah, para pelajar tidak seharusnya bersikap sambil lewa, sebaliknya mereka perlu bersungguh-sungguh mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut. Ingatlah betapa besarnya kelebihan yang disebut oleh Nabi tentang penuntut ilmu yang akan dinaungi oleh para mala'ikat. Kata Nabi:

إِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ رِضًا بِمَا يَطْلُبُ

«Sesungguhnya para mala'ikat sungguh akan meletakkan sayap-sayapnya untuk penuntut ilmu dengan redha dengan apa yang mereka tuntuti» [Ahmad/ 17634, isnadnya hasan].

Dan tidak lupa juga kepada para pendidik, Nabi juga menyebut kelebihan yang dikecapi oleh mereka. Kata Nabi:

أَلَا إِنَّ الدُّنْيَا مَلْعُونَةٌ مَلْعُونَةٌ مَلْعُونٌ مَا فِيهَا إِلَّا ذَكَرُ اللَّهِ وَمَا وَالَاهُ وَعَالِمٌ أَوْ مُتَعَلِّمٌ

«Ketahuilah bahawa sesungguhnya dunia adalah terlaknat. Dilaknat apa yang ada di dalamnya kecuali zikru Llah (mengingati Allah), dan apa yang mendekatkan kepadanya, dan orang yang berilmu, dan penuntut ilmu» [At-Tirmizi/ 2322, hasan].

HUKUM MEROKOK

dijawab oleh Khalid `Abdu l-Mun`im Ar-Rifa`iy

Soal: As-salamu `alaykum. Apa hukum menjadi perokok? Saya seorang pemuda yang sentiasa iltizam dengan agama, salat dan puasa, dan dengan semua apa yang dituntut oleh agama kita, tetapi saya menghisap rokok, maka apa hukum hal itu?

Jawab: Pujian bagi Allah, dan salawat dan salam ke atas Rasuli Llah, dan ke atas keluarganya dan sahabatnya dan sesiapa yang mengikutinya. Amma ba`d:

Sesungguhnya merokok adalah haram pada syara`, kerana ia adalah kotor, dan meliputi banyak kemudharatan dan kerosakan yang dahsyat. Dan Allah `azza wajalla apabila Dia membenarkan untuk hamba-hamba-Nya yang baik-baik daripada makanan dan minuman dan selainnya, dan Dia telah mengharamkan ke atas mereka segala kekotoran. Berkata ta`ala:

{يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ

{الطَّيِّبَاتُ}

«Mereka bertanya kamu apa yang dihalalkan bagi mereka? Katakan: Dihalalkan untuk kamu yang baik-baik» [Al-Ma'idah: 4].

Dan diketahui oleh setiap orang yang berakal bahawa merokok adalah daripada kekotoran, kerana keadaannya yang mengandungi bahan-bahan yang berbahaya.

Dan telah sepakat seluruh dunia - yang muslim dan yang kafir - atas pengetahuan tentang kemudharatannya yang serius, dan bahawa ia perlu diperangi, dan dibataskan ke atasnya, disebabkan terbukti secara perubatan dalam kajian-kajian global bahawa merokok menyebabkan pelbagai jenis kanser, yang utamanya kanser paru-paru, dan ia ialah satu penyakit yang sangat jarang berlaku dalam kalangan yang bukan perokok. Dan risiko diserang dengannya bertambah dengan pertambahan jumlah rokok yang dihisap, dan pertambahan tempoh merokok dan berkurang risiko ini beransur-ansur ketika berhenti daripada merokok, yang menunjukkan hubungan langsung antara merokok dan kanser paru-paru.

Dan ia juga menyebabkan kanser bibir, dan kanser mulut, termasuk di dalamnya lidah, dan kanser tekak. Sebagaimana terdapat kajian-kajian yang menunjukkan bahawa merokok adalah salah satu penyebab kanser kerongkong dan pundi kencing. Dan merokok menyebabkan kontraksi dalam arteri jantung yang menyebabkan serangan jantung.

Maka kajian-kajian perubatan telah menunjukkan - dengan cara yang tidak dapat dipertikaikan - kesan buruk merokok ke atas jantung dan arterinya. Apabila bahan nikotin larut dalam air liur, dan diserap oleh darah, dan ia menyebabkan kontraksi yang jelas pada arteri jantung dan salur darah tubuh yang lain.

Allah telah berkata:

{وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا}

«Dan jangan kamu membunuh diri-diri kamu, sesungguhnya Allah - terdapat kamu - adalah penyayang» [An-Nisa': 29].

Dan Dia telah berkata:

{وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ}

«Dan jangan campakkan dengan tangan-

DOA AMALAN

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَالْهَرَمِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ، اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا، وَزَكَّاهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَوَالِدَاهَا، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ، وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ، وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا.

Allahumma inni a`uzubika mina l-`ajzi wal-kasal, wal-jubni wal-bukhl, wal-harami wa`azabi l-qabr. Allahumma ati nafsi taqwaha, wazakkiha anta khayru man zakkaha, anta waliyyuha wamawlaha. Allahumma inni a`uzu bika min `ilmin la yanfa`, wamin qalbin la yakhsya, wamin nafsin la tasyba, wamin da`watin la yustajabu laha.

«Ya Allah, sesungguhnya saya berlindung dengan Kamu daripada kemalasan, dan ketakutan, dan kebakhilan, dan ketuaan, dan `azab kubur. Ya Allah berilah diri saya ketaqwaannya, dan sucikanlah ia, Kamulah sebaik-baik yang menyucikannya. Kamulah pelindungnya dan pentadbirnya. Ya Allah, sesungguhnya saya berlindung dengan Kamu daripada ilmu yang tidak bermanfaat, dan daripada hati yang tidak khusyu, dan daripada nafsu yang tidak pernah kenyang, dan daripada doa yang tidak dijawab baginya» [Muslim/ 2723].